



DR 2 TAHUN 2017
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA




LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PROJEK NKEA PERTANIAN: EPP 6 – REPLIKA IZAQ
- KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PROJEK NKEA PERTANIAN: EPP 6 – REPLIKASI IZAQ DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	1-15
2	RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA	16
3	AGENDA MESYUARAT	
4	LAPORAN PROSIDING	
5	DOKUMEN PEMBENTANGAN	



**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PROJEK NKEA PERTANIAN :
EPP 6 – REPLIKASI IZAQ
OLEH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI.**

1. PENDAHULUAN.

Projek NKEA Pertanian : EPP 6 – Replikasi IZAQ oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA) adalah sebahagian daripada penemuan audit dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 2 (Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan) yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Jun 2015.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 1 November 2016 iaitu dalam prosiding bilangan 23/2016.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN.

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan audit berhubung pelaksanaan Projek NKEA Pertanian : EPP 6 – Replikasi IZAQ oleh MOA bertujuan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berikut:

- i. Mengenal pasti sama ada pembayaran yang dibuat selaras dengan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa;
- ii. Mengenal pasti dasar-dasar Kerajaan yang berkaitan dipatuhi.

3. SKOP DAN METODOLOGI.

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. Menjemput Pengarah (Keselamatan) Jabatan Audit Negara selaku wakil Ketua Audit Negara bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;
- ii. Memanggil pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Projek NKEA Pertanian : EPP 6 – Replikasi IZAQ ini iaitu Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA), Ketua Pengarah (KP) Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- iii. Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Perancang Ekonomi untuk hadir bersama.

4. LATAR BELAKANG PROJEK NKEA PERTANIAN : EPP 6 – REPLIKASI IZAQ.

- 4.1 Bidang Ekonomi Utama Negara / *National Key Economic Area* (NKEA) bagi pertanian dilaksanakan melalui 16 Projek Permulaan / *Entry Point Project* (EPP).

Salah satu daripadanya adalah EPP 6 – *Replicating Integrated Zone for Aquaculture Model* (IZAQ) yang dilaksanakan mulai tahun 2011 dan sasarannya sehingga menjelang tahun 2020.

IZAQ merupakan model akuakultur di darat yang disokong oleh syarikat-syarikat peneraju yang kukuh iaitu syarikat yang mempunyai pengalaman pengoperasian ladang akuakultur udang sekurang-kurangnya 3 tahun.

Komponen projek IZAQ terdiri daripada infrastruktur asas (ban, kolam, jalan, utiliti dan keperluan peraturan), infrastuktur sokongan seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), pusat pembangunan kemahiran, pusat penetasan dan induk, infrastruktur kritikal (*seawater / freshwater intake and treatment pond and reservoir*) dan menaiktaraf fasiliti ladang daripada segi biosekuriti untuk memenuhi keperluan negara pengimport terutamanya dari Kesatuan Eropah.

- 4.2 Objektif IZAQ menjelang tahun 2020 adalah untuk menghasilkan 100,000 tan metrik tan udang berkualiti tinggi yang diiktiraf sepenuhnya untuk pasaran premium dan eksport dengan kawasan tanah berkeluasan 10,000 hektar, menjana Pendapatan Negara Kasar / Gross National Income (GNI)

berjumlah RM1.383 bilion; dan mewujudkan 11,900 peluang pekerjaan baru.

- 4.3 Pelaburan bagi setiap projek IZAQ yang dibiayai oleh kerajaan tidak melebihi 30% daripada jumlah kos projek manakala bakinya (70% atau lebih) dibiayai sendiri syarikat peneraju. Berdasarkan 30% tersebut, kerajaan akan membayar kepada syarikat peneraju dalam 2 peringkat iaitu 70% akan dibayar berdasarkan kemajuan kerja di peringkat pembinaan infrastruktur berasaskan imbuhan balik pelaburan sebenar syarikat peneraju.

Manakala bakinya, 30% lagi akan hanya dibayar di peringkat pengeluaran udang berdasarkan Petunjuk Prestasi Sebenar (KPI) yang ditetapkan bagi 2 tahun tertentu.

- 4.4 Mulai tahun 2011 hingga 2014, sebanyak 11 kontrak telah ditandatangani antara Kerajaan dengan 10 syarikat peneraju yang membabitkan 11 projek penternakan udang / ikan laut dan pusat penetasan. Kos keseluruhan projek IZAQ adalah berjumlah RM2.142 bilion dengan kuantum insentif pembiayaan diluluskan berjumlah RM518.63 juta.

5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh wakil Ketua Audit Negara kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KSU MOA, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MOA, KP DOF, Pengarah Bahagian Kejuruteraan DOF dan PEMANDU

dipanggil untuk memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

5.1. Penjelasan Awal Wakil Ketua Audit Negara.

Wakil Ketua Audit Negara telah memaklumkan secara umumnya projek IZAQ berjalan dengan baik bagi mencapai sasaran pada tahun 2020.

Seterusnya 18 penemuan audit telah dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2 dan kesemuanya telah diambil tindakan sewajarnya oleh pihak MOA dan DOF.

Oleh itu, pihak JAN hanya akan membangkitkan 2 penemuan audit yang dianggap isu terkini dalam pelaksanaan projek IZAQ iaitu:

- i. Sebuah syarikat peneraju telah menerima 2 dana pembiayaan daripada kerajaan iaitu NKEA dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) bagi projek yang sama.
- ii. Mewujudkan satu mekanisma bagi menggalakkan syarikat peneraju menghasilkan pengeluaran udang secara maksimum bagi mencapai KPI yang telah ditetapkan.

5.2 KETERANGAN OLEH KSU MOA.

Datuk Seri Dr. Ismail Bin Haji Bakar, KSU MOA memaklumkan EPP 6 merupakan salah satu daripada tiga EPP yang telah diberikan kepada Jabatan Perikanan (DOF) di bawah MOA bertujuan mengeluarkan udang premium bagi pasaran eksport.

EPP 6 merupakan satu projek yang *integrated* dimana ianya bermula daripada pengeluaran benih, pengembangan, pemprosesan dan sehinggalah ke proses pemasaran. Ianya juga dipanggil sebagai model perniagaan yang komprehensif dan bersepadu serta mendapat panduan daripada PEMANDU.

Projek IZAQ mensasarkan menjelang tahun 2020 adalah untuk menghasilkan 100,000 tan metrik tan (mt) udang berkualiti tinggi yang diiktiraf sepenuhnya untuk pasaran premium dan eksport dengan kawasan tanah berkeluasan 10,000 hektar, menjana Pendapatan Negara Kasar / *Gross National Income* (GNI) berjumlah RM1.383 bilion; dan mewujudkan 11,900 peluang pekerjaan baru.

Sehingga kini, jumlah pengeluaran udang adalah 31,716 metrik tan dengan keluasan sebanyak 5,341 hektar, 2,057 peluang pekerjaan dengan GNI yang dicapai berjumlah RM939 juta.

Bagi tujuan proses pemilihan, syarikat peneraju akan dinilai daripada segi teknikal, keupayaan oleh jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat dan juga oleh sektor swasta.

Pemilihan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemandu NKEA yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

Semua perkara mengenai perincian dalam projek ini telah dimasukkan dalam perjanjian-perjanjian yang ditandatangani antara syarikat dan kerajaan.

5.3 PENEMUAN PAC.

Hasil penemuan PAC Parlimen adalah seperti berikut:

a. Syarikat Peneraju Memperolehi 2 Dana Pembiayaan Daripada Kerajaan Bagi Projek Yang Sama.

Penternakan udang di Kompleks Akuakultur Selinsing (KAS) dan Kompleks Akuakultur Pulau Gula (KAPG) Kerian, Perak oleh Hannan Corporation Sdn. Bhd. telah memperolehi 2 sumber pembiayaan iaitu dari NCIA dan NKEA.

Bagi tujuan pembiayaan dari NCIA, pihak syarikat telah memaklumkan bahawa kos projek bernilai RM150 juta dan kontrak telah pun dimeterai pada Januari 2011.

Manakala di bawah NKEA pula, pihak syarikat menyatakan kos projek adalah bernilai RM353 juta dan kontrak telah dilaksanakan mulai Oktober 2011.

Setakat ini, jumlah yang telah dibayar oleh NCIA dan NKEA kepada pihak syarikat masing-masing berjumlah RM25.18 juta dan RM31.24 juta. Butiran adalah seperti berikut:

Sumber Dana	Lokasi Projek	Jumlah Kontrak (RM juta)	Jumlah Telah Dibayar (RM juta)
NCIA	Kompleks Akuakultur Selinsing	10.8	10.8
	Kompleks Akuakultur Pulau Gula	25.2	14.38
NKEA	Kompleks Akuakultur Selinsing	20.88	14.62
	Kompleks Akuakultur Pulau Gula	68.65	16.62
Jumlah Keseluruhan		125.53	56.42

Adalah didapati pihak syarikat telah membuat tuntutan bagi beberapa komponen yang sama daripada dua agensi iaitu NCIA dan NKEA. Selain itu, Syarikat juga didapati tidak mempunyai kepakaran dan pengalaman berkaitan dengan industri perikanan.

Maklumbalas MOA.

Di bawah NCIA, Syarikat Hannan menerima *soft loan* bagi membangunkan perniagaan penternakan udang manakala NKEA hanya memberi *reimbursement* untuk pembangunan infrastruktur sahaja.

Daripada segi teknikal tidak ada pembayaran dua kali dibuat. Pemilihan di bawah NKEA adalah berasaskan

kertas cadangan daripada pihak syarikat tersebut yang mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan.

Syarikat Hannan mempunyai keupayaan kewangan untuk melaksanakan projek tersebut dan telah mengenalpasti 2 projek di kawasan di Perak iaitu Selinsing dan Pulau Gula yang mana kedua-duanya dikendalikan bersama dan di bawah pemantauan NCIA iaitu agensi yang dikhaskan dalam kawasan tersebut.

Di bawah NKEA, semua perkara mengenai perincian dalam projek ini telah dimasukkan dalam perjanjian. Pembayaran akan dibuat selepas pegawai-pegawai dari Bahagian Kejuruteraan MOA membuat pengesahan ke atas tuntutan-tuntutan yang dibuat berdasarkan kontrak.

Penangguhan pembayaran telah dibuat apabila timbul beberapa isu berkaitan dengan projek tersebut. MOA berharap agar penjelasan lanjut daripada pihak NCIA diperolehi berkaitan dengan tuntutan-tuntutan yang dibuat bagi mengelakkan berlakunya pertindihan pembayaran.

Secara prinsipal syarikat peneraju boleh mendapatkan bantuan kewangan lain kecuali geran kerajaan. Pihak MOA atau DOF tidak terlibat dalam proses permohonan NCIA. Semua evaluasi dan penilaian NKEA hanya dilaksanakan oleh NKEA sahaja tanpa penglibatan pihak lain. Berdasarkan penemuan audit, MOA baru

mengetahui bahawa pinjaman NCIA adalah merupakan pinjaman boleh ubah dan bercadang untuk melihat perkara ini semula.

Bagi projek NKEA, MOA telah diberikan peraturan ataupun pengecualian daripada Kementerian Kewangan (MoF) untuk membuat peraturan sendiri. MOA telah mewujudkan empat Jawatankuasa untuk memastikan bahawa peraturan-peraturan kerajaan dan *Standard Operating Procedures* (SOP) dipatuhi. Oleh itu, MOA telah memastikan bahawa syarikat tersebut telah didaftarkan dalam kod bidang dibawah MoF.

Maklumbalas DOF.

Syarikat Hannan memang dipantau oleh DOF. Semua perkara mengenai perincian dalam projek ini telah dimasukkan dalam perjanjian.

NKEA membenarkan satu syarikat melaksanakan 2 atau 3 projek tetapi tempat yang berlainan dengan syarat projek yang pertama siap serta menunjukkan kemajuan yang baik.

Bagi Syarikat Hannan, projek yang pertama memang menunjukkan kemajuan yang baik tetapi pengeluaran sedikit terganggu akibat serangan penyakit.

Pemilihan syarikat peneraju adalah berdasarkan kriteria-kriteria seperti berikut:

- a. Mempunyai tanah;
- b. Mempunyai modal; dan
- c. Kepakaran dan pengalaman dalam bidang berkaitan.

Pemilihan syarikat untuk NKEA dilakukan secara 4 peringkat Jawatankuasa iaitu:-

- i. Jawatankuasa Teknikal
- ii. GMO di peringkat kementerian
- iii. Pasukan Penilai yang terdiri daripada pegawai kementerian, PEMANDU, DOF
- iv. Jawatankuasa PEMANDU

Berdasarkan prosiding yang diadakan pada 1 November 2016, PAC telah meminta supaya JAN melaksanakan pengauditan susulan secara terperinci bagi beberapa perkara berbangkit. Oleh itu, pihak JAN melalui surat ruj. *AUDIT/IP/BSA/379/23 (27)* bertarikh 10 Februari 2017 kepada Sekretariat PAC Parlimen telah mengemukakan maklumbalas bagi perkara-perkara berbangkit iaitu:-

- i. **Tidak** ada mana-mana peraturan Kerajaan yang tidak membenarkan sesuatu syarikat menerima

lebih dari satu kemudahan kewangan dari pihak Kerajaan.

- ii. DOF **tidak terlibat** dalam proses meluluskan pemberian Geran/Pinjaman (*Soft Loan*) oleh NCIA kepada Hannan Corporation Sdn. Bhd.

6. JAWATANKUASA SIASATAN KHAS.

Memandangkan terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan Pengurusan Program Akuakultur oleh NCIA maka isu tersebut telah dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN) Bil. 2 Tahun 2015 yang diadakan pada 11 ogos 2015.

Hasil perbincangan tersebut, mesyuarat telah memutuskan supaya satu Jawatankuasa Siasatan Khas ditubuhkan untuk menyiasat pelaksanaan projek pembangunan KAS dan KAPG apabila dimaklumkan bahawa kedua-dua projek ini dilaksanakan syarikat Hannan Corporation Sdn. Bhd. (HCSB) yang dibiayai dua sumber iaitu daripada NCIA dan MOA serta melibatkan skop-skop kerja yang sama.

Hasil siasatan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Siasatan Khas yang dianggotai oleh wakil daripada JAN, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapati perkara berikut:-

- i. Bagi projek pembangunan KAS, HCSB telah menandatangani kedua-dua kontrak perjanjian pada tahun yang sama iaitu pada 17 Januari 2011 dengan pihak NCIA dan 18 Oktober 2011 dengan pihak MOA. Manakala bagi projek pembangunan KAPG, HCSB telah menandatangani kontrak perjanjian dengan MOA pada 1 Julai 2014 (Nota : Kontrak yang sama ditandatangani oleh HCSB pada 17 Januari 2011 bersama pihak NCIA adalah melibatkan kedua-dua projek pembangunan KAS dan KAPG).
- ii. Walaupun skop projek adalah sama, namun kos projek yang dinyatakan oleh HCSB adalah berbeza yang mana di bawah NCIA kos kedua-dua projek adalah sebanyak RM150,000,000 manakala MOA sebanyak RM344,280,147 iaitu kenaikan kos projek sebanyak RM194,280,147.
- iii. Daripada kos projek yang dinyatakan pada perenggan ii, dana pembiayaan Kerajaan yang diluluskan oleh NCIA adalah sebanyak RM36,000,000 manakala MOA RM89,532,000. Ini menjadikan jumlah keseluruhan dana Kerajaan yang diterima oleh HCSB daripada kedua-dua agensi ini adalah sebanyak RM125,532,000.
- iv. Walaupun HCSB telah menerima bantuan geran daripada NCIA bagi projek KAPG namun melalui suratnya bertarikh 10 Februari 2014 kepada MOA, HCSB telah memaklumkan bahawa syarikat tidak ada menerima mana-mana geran daripada Kerajaan. Tindakan ini telah menyebabkan MOA melantik HCSB sebagai syarikat pelaksana KAPG.

- v. Skop kerja yang bertindih adalah *access road, sedimentation & outlet canal, inlet canal & main canal, perimeter bund dan utilities* dengan nilai kos projek sebanyak RM31,604,853.25. Maklumat terperinci adalah seperti dijadual di bawah.

Skop kerja	NCIA	NKEA	Jumlah (RM)
<i>Access Road</i>	RM1,800,000.00	RM773,850.00	2,573,850.00
<i>Sedimentation & Outlet Canal</i>	RM3,200,000.00	RM4,459,612.70 (<i>Sementation ponds</i>) RM3,521,692.25 (<i>Outlet Canal</i>)	11,181,304.95
<i>Inlet Canal & Main Canal</i>	RM1,520,000.00	RM3,633,930.50* (<i>Inlet Canal & Reservoir</i>)	5,153,930.50
<i>Perimeter Bund</i>	RM1,680,000.00	RM6,975,689.00	8,655,689.00
<i>Utilities</i>	RM800,000.00 Membina TNB Substation, surau, jambatan masuk paip air, rumah jaga, tangki air.	RM2,748,771.50 (<i>TNB Contribution Fee, SSU & Switch Room</i>)	4,040,078.80
		RM291,212.30 (<i>Inlet water pumping system</i>)	
		RM200,095.00 (<i>LAP contribution & water piping</i>)	
JUMLAH (RM)			31,604,853.25

Nota : * - Termasuk item resevoir yang tiada dalam skop NCIA

- vi. Setakat tarikh semakan, jumlah bayaran yang telah dibayar kepada HCSB oleh NCIA dan MOA masing-masingnya adalah sebanyak RM25,181,012.80 dan RM31,235,627.59 menjadikan keseluruhan pembayaran adalah sebanyak RM56,416,640.39.

Memandangkan terdapat unsur *fraud* dalam pelaksanaan projek ini maka JAN telah menyerahkan kes ini kepada SPRM pada 19

November 2015 dan 21 Disember 2016 (maklumat tambahan kes). Pihak JAN juga dimaklumkan bahawa kes ini masih dalam siasatan SPRM.

Susulan daripada Prosiding PAC terhadap Projek NKEA : EPP 6 – Replikasi IZAQ yang diadakan pada 1 November 2016, pihak MOA telah mengadakan mesyuarat Post-PAC bersama pihak NCIA dan JAN telah bertindak sebagai penasihat.

Beberapa siri perbincangan telah diadakan pada 3 November 2016 dan 5 Januari 2017, namun sehingga tarikh 10 Februari 2017 masih tiada keputusan muktamad dicapai antara MOA dan NCIA mengenai isu skop kerja yang bertindih.

Selain itu, pihak JAN pula semasa perbincangan telah mencadangkan supaya dilantik pihak ketiga untuk menilai semula kos sebenar projek dan membuat pengesahan terhadap skop-skop kerja yang bertindih.

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 23/2016 pada Selasa 1 November 2016**

7. RUMUSAN PAC PARLIMEN.

Secara keseluruhannya PAC berpendapat bahawa pengesahan terhadap beberapa fakta perlu dibuat seperti pinjaman dari NCIA samada ianya adalah pinjaman ataupun pinjaman boleh ubah kepada geran kerajaan bagi mengelakkan kekeliruan.

Oleh itu, pihak MOA, NKEA dan NCIA diharap dapat memberi maklumat yang jelas dan tepat kepada pihak Jabatan Audit Negara (JAN).

8. SYOR PAC PARLIMEN.

- 8.1 PAC memutuskan supaya pihak JAN membuat satu laporan terperinci kepada PAC berkaitan dengan isu-isu yang telah dibincangkan.
- 8.2 PAC bersetuju dengan pandangan JAN supaya pihak ketiga dilantik bagi menilai semula kos projek serta tuntutan oleh HCSB.
- 8.3 SOP sedia ada perlu disemak dan dibuat penambahbaikan bagi memastikan peraturan-peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa sentiasa dipatuhi.
- 8.4 PAC akan meneliti laporan SPRM bagi tujuan penambahbaikan.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN



**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 23/2016 pada Selasa 1 November 2016**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 23/2016 PADA SELASA 1 NOVEMBER 2016
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN
SEMENTARA PARLIMEN**


TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p>1 NOVEMBER 2016 (Selasa) 11.00 pagi</p>	<p>Projek NKEA Pertanian : EPP 6 - REPLIKA IZAQ</p>	<p>1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani</p>

LAPORAN PROSIDING

❖ **Bilangan 23/2016 pada Selasa 1 November 2016**

Bil. 23

**Selasa
1 November 2016**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

**Projek NKEA Pertanian:
EPP 6 – Replika IZAQ**

- **Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEEMPAT**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK A
BANGUNAN SEMENTARA, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 1 NOVEMBER 2016**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] - *Pengerusi*
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Naib Pengerusi*
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat
Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara,
Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara,
Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud [Pengarah (Keselamatan)]
Encik Zulkipli bin Abdullah [Pengarah (Pengurusan) (Bahagian Susulan Audit)]
Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal [Timbalan Pengarah (Kerajaan Persekutuan)
(Pertanian dan Industri Asas Tani)]
Puan Hasimah binti Rahmat [Ketua Penolong Pengarah Audit (Pengurusan)
(Bahagian Susulan Audit)]
Puan Noor Azura binti Ahmad [Ketua Penolong Pengarah Audit (Pengurusan)
(Bahagian Susulan Audit)]

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Jabatan Audit Negara** (*samb/-*)

Encik Mohd Sazali bin Mohd Saad [Penolong Pengarah (Kerajaan Persekutuan)
(Pertanian dan Industri Asas Tani)]

Puan Azrina binti Azri [Penolong Pengarah (Kerajaan Persekutuan)
(Pertanian dan Industri Asas Tani)]

Kementerian Kewangan

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Seksyen (Parlimen & Kabinet)]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Mansor bin Maizan [Timbalan Pengarah Kanan (TPBK(K)A)]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Maslina binti Kamarudin [Timbalan Pengarah (Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)
(Perakaunan Persekutuan)]

Unit Perancang Ekonomi

Puan Suhana binti Md. Saleh [Timbalan Pengarah 2 (Pertanian)]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**

YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar [Ketua Setiausaha]

Encik Badrul Hisham bin Mohd [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)]

YBhg. Dato' Naimah binti Ramli [Setiausaha Bahagian (ITTP)]

Puan Habshah binti Ali [Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)]

Encik Mohamad bin Ismail [Setiausaha Bahagian (Pembangunan)]

Encik Zulkafli bin Abd. Rashid [Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)]

Encik Adib Furqan bin Shahudin [Penolong Setiausaha DMO]

Encik Mohd Shahrul Hafiz bin Abdul Ghani [Penolong Setiausaha DMO]

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)

YBhg. Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan [Ketua Pengarah]

Dr. Mazuki bin Hashim [Pengarah Bahagian Pembangunan Akuakultur]

Encik Ahmad Tarmidzi bin Ramly [Pengarah Bahagian Kejuruteraan]

Encik Zamani bin Omar [Pengarah Perikanan Negeri Johor]

Cik Noor Mahya binti Yusof [Ketua Cawangan Transformasi Ekonomi Perikanan (TEP),
Bahagian Perancangan dan Pembangunan]

Encik Ahmad Ikhwan bin Muftahuddin [Pegawai Perikanan]

Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) Jabatan Perdana Menteri

Encik Mohd Zahid bin Dasahi [Pengarah Bersekutu]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****Selasa, 1 November 2016****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.11 pagi***[Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi PAC; Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, pegawai dan kakitangan dari Jabatan Audit Negara, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai daripada kementerian serta agensi Pusat. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat serta pegawai dan kakitangan Jabatan Audit dan wakil-wakil jabatan kerana hadir pada pagi ini untuk kita meneruskan prosiding kita pada hari ini membabitkan isu Projek NKEA Pertanian: EPP 6 – Replika IZAQ, pengeluaran udang membabitkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Sebelum kita meneruskan prosiding, saya ingin memaklumkan bahawa PAC akan mengadakan prosiding pada- bukan prosiding, Laporan Audit, apakah?

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]: Pembentangan Laporan Ketua Audit...

Tuan Pengerusi: Pembentangan Laporan Audit pada 21 ya. Prosiding yang kita akan adakan pada 22 sahaja. Ini bermakna kita akan mengadakan prosiding dua hari iaitu pada 21 dan 22 yang melibatkan APMM. Hari ini PAC membentangkan Laporan PAC berhubung dengan Pengurusan Perkhidmatan BestariNet di Dewan Rakyat.

Prosiding hari ini melibatkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang diketuai oleh Datuk Seri Dr. Ismail. Projek NKEA ini merupakan Laporan Ketua Audit Negara, Tahun 2014, Siri 2. Ini dilaksanakan mulai tahun 2011 dengan projek inilah, dengan sasaran sehingga menjelang tahun 2020. Objektif IZAQ ini menjelang tahun 2020 adalah untuk menghasilkan 100,000 tan metrik udang berkualiti tinggi untuk pasaran premium dan eksport dengan keluasan tanah 10,000 hektar bagi menjana pendapatan negara, *Gross National Income* (GNI) yang berjumlah RM1.3 bilion dan mewujudkan 11,000 peluang pekerjaan baru.

Jadi tanpa melengahkan, saya mempersilakan Jabatan Audit Negara untuk *briefing* sebelum kita memanggil untuk prosiding.

Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud [Pengarah (Keselamatan), Jabatan Audit Negara]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera.*

Saya *introduce* diri sayalah. Saya Datin Seri Dato' Shamsiah Haji Daud, Pengarah Bahagian Keselamatan Jabatan Audit Negara. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin, Pengerusi PAC; dan juga Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Timbalan Pengerusi PAC; dan semua Ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa PAC; dan juga kepada Dato'; Datuk; tuan-tuan; dan puan-puan daripada agensi-agensi dan kerajaan yang lain.

Alhamdulillah pada pagi ini, satu Laporan Ketua Audit Negara, Tahun 2014, Siri 2, bagi aktiviti kementerian atau jabatan bertajuk, "*Pengauditan Prestasi Terhadap Projek NKEA Pertanian: EPP 6 - Replicating Integrated Zone for Aquaculture Model (IZAQ) Penternakan Udang di Jabatan Perikanan Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani*" yang telah pun dibentangkan di Dewan Rakyat pada 15 Jun 2015, akan dibincangkan dalam Mesyuarat PAC pada hari ini. Bagi tujuan tersebut, saya pohon pegawai saya Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal untuk membentangkan laporan kajian tersebut. Dipersilakan.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal [Timbalan Pengarah (Kerajaan Persekutuan) (Pertanian dan Industri Asas Tani), Jabatan Audit Negara]: Terima kasih Yang Berbahagia Dato'. Selamat pagi Tuan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC.

Jadi sedikit latar belakang selain daripada objektif tadi Tuan Pengerusi, kita ada buat perbandingan melalui PEMANDU berkaitan dengan perolehan biasa kerajaan dengan perolehan yang terlibat dalam *National Key Economic Area*. Perbandingan dia sebagai contohnya bagi kos pembiayaan sesuatu projek, dalam normal *procurement*, 100 peratus dibiayai oleh kerajaan, manakala di bawah NKEA cuma 30 peratus sahaja yang dibiayai oleh kerajaan. Selebihnya 70 peratus akan dibiayai oleh syarikat swasta. Manakala cara pembayaran adalah dalam normal *procurement forwarded and progress payment*, di NKEA pula *reimbursable basis* dan *upon KPI achievements*. So dia ada dua cara- kaedah yang dia bayar 30 peratus itu.

Construction design apa-apa projek dalam normal *procurement, it may or may not meet private sectors specification*. Manakala di bawah NKEA, *meet private sectors specification since build by private sectors*. Apa-apa kos *overrun* akan dibiayai oleh kerajaan bagi perolehan biasa kerajaan. Manakala di bawah NKEA pula, apa-apa yang melebihi 30 peratus daripada projek tersebut akan dibiayai oleh *company* tersebut *itself*. Juga *takeoff depending on interests by private sectors*, manakala di bawah NKEA, *secured private sectors owned project*. Dianggap sebagai *company* punya projek.

Seterusnya adalah berkaitan dengan objektif di mana Tuan Pengerusi telah maklumkan. *I just pass through this slide*. Seterusnya. Baik, sedikit latar belakang berkenaan dengan projek IZAQ. Setiap projek IZAQ ini akan diterajui oleh sebuah syarikat dan boleh disertai oleh perusahaan kecil dan sederhana. Kaedah kerajaan membiayai yang maksimum 30 peratus daripada jumlah kos projek adalah dengan cara insentif melalui kaedah *reimbursable* di mana daripada 30 peratus itu, 70 peratus

akan dibayar semasa *pre-production* iaitu semasa pelaksanaan *physical project*. Manakala 30 peratus lagi bakinya akan dibayar semasa *post-production* yang berkait dengan pengeluaran undang di mana kerajaan akan menetapkan KPI pengeluaran undang tersebut. Dia capai KPI tersebut, dia akan bayar 30 peratus lagi *balances* itu.

Mulai tahun 2011 di mana projek IZAQ ini telah dimulakan pada tahun 2011 sehingga bulan September 2014 iaitu setakat kita melaksanakan pengauditan, sebanyak 11 kontrak telah ditandatangani antara kerajaan dengan 10 buah syarikat peneraju.

■1120

Kos keseluruhan projek ini berjumlah RM2.11 bilion dan insentif kerajaan iaitu 30 peratus yang diluluskan adalah berjumlah RM518.63 juta. Yang 30 peratus adalah semaksimumnya 30 peratus so *there can be some company less than 30 percent actually*, Yang Berhormat. Setakat Disember 2014 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah membelanjakan sejumlah RM152.04 juta iaitu 29 peratus daripada RM518 juta tersebut.

Seterusnya ini kaedah pengurusan kewangan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian yang mana daripada sebelas kontrak yang bernilai RM2.114 bilion, 70 peratus dibiayai oleh syarikat iaitu RM1.596 bilion dibiayai oleh syarikat manakala 30 peratus itu RM518.63 juta dibiayai oleh kerajaan. Cara 30 peratus di kaedah *drill down of that method of payment* adalah *preproduction* yang tadi seperti mana yang saya sebut tadi, *preproduction physical* 30 peratus bernilai RM363.04 juta, manakala *post production* KPI pula RM155.59 juta.

Di peringkat *preproduction* iaitu fizikal cara pembayaran dia adalah *reimbursable* berdasarkan kemajuan kerja fizikal. Manakala bawah *post production* pula mereka membahagikan lagi kepada dua tahun berturut-turut yang mana tahun pertama apabila dia mencapai KPI sesebuah syarikat mereka akan memperoleh 15 peratus daripada 30 peratus tersebut. Sebagai contoh to *make things easier* Tuan Pengerusi, *for example* katakan sesuatu projek bernilai RM100 juta, so 30/70 that means RM30 juta akan dibiayai oleh kerajaan, RM70 juta akan dibiayai oleh syarikat.

Manakala RM30 juta sekarang dipecahkan lagi kepada 70 and 30. So, beranggapan RM20 million bawah fizikal manakala RM10 million lagi untuk KPI. RM10 million itu dibahagi kepada dua tahun lagi kalau dia capai KPI so RM5 million akan dibayar on the first year of the production of KPI. Manakala the second year pula another RM5 million akan dibayar kepada syarikat tersebut.

Okey, *next slide*. Ini 11 kontrak yang telah pun dimeterai di antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan syarikat-syarikat. Font yang berwarna merah adalah syarikat-syarikat ataupun tapak penternakan undang yang telah kita lawati pada tahun 2014 tersebut. So, next- so secara umumnya projek IZAQ kita dapati adalah masih *ongoing in the right track* and setakat Disember 2014 kesemua projek sedang giat dilaksanakan secara berterusan *because this is a going to hit the target of 2020* sahaja. So, we are in the midst of that project.

Tuan Pengerusi: Yang 18, before that.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Ya, *before that*, sebelum ini. *Slide* sebelum ini.

Tuan Pengerusi: *Slide* sebelum. Ini di seluruh negara?

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Di seluruh negara.

Tuan Pengerusi: Mana negeri yang banyak sekali- mana?

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Negeri yang paling banyak? Antara ini adalah, *I would say* di Perak mempunyai dua iaitu Hannan Corporation, Blue Archipelago dekat Terengganu, Sunlight Inno dekat Sabah. *The biggest project is* di Sabah iaitu oleh Sunlight Inno yang mana jumlah kos projek lebih kurang RM963 juta, *total cost*.

Tuan Pengerusi: Ini, LKKP Corporation ini.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Ya, di Pahang.

Tuan Pengerusi: Pahang.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Ya, di Pekan.

Tuan Pengerusi: Berapa- di Pekan ya?

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Ya, di Pekan jumlah kos projek RM146 juta.

Tuan Pengerusi: Ini tidak jalan ?

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Ada, ada.

Tuan Pengerusi: Ada.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Ya, sedang dilaksanakan *and this is among the best example that DOF can- still on. And this is the among one of the best the project actually-lah*.

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *Alright. Okay, next. So, then* yang keduanya ialah kita telah pun membentangkan sebanyak 18 isu, kita telah bangkitkan. *Then positive remark is there* kesemuanya telah diambil tindakan sewajarnya oleh pihak kementerian dan juga pihak Jabatan Perikan Malaysia. *So, it all green in our AG's dashboard*, Tuan Pengerusi.

Walau bagaimanapun, oleh sebab laporan ini telah dibentangkan pada pertengahan tahun 2015, *so* kita juga ingin memaklumkan dua perkara yang kita anggap sebagai isu-isu terkini selepas pembentangan tersebut. *So, allow me to go to the* isu-isu terkini.

Tuan Pengerusi: Ya, *sure*.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *Right, okey.* Yang pertama adalah *next slide*. Kita hendak bincang dua perkara ini iaitu perkara berkaitan dengan sebuah syarikat peneraju telah memperoleh dua dana pembiayaan daripada kerajaan. *You see it is very important to understand that* cara- kaedah NKEA ini adalah kenapa dia hendak tetapkan 30 peratus sahaja dibiayai oleh kerajaan dan baki 70 peratus dibiayai oleh syarikat. Disebabkan *they want to create the responsibility of the company*. Bila dia keluarkan modalnya sendiri, *they will be responsible on the project* tetapi dalam keadaan ini kita dapati syarikat Hannan Corporation yang berpangkalan di Perak, daerah Kerian telah mendapat pembiayaan daripada dua agensi kerajaan iaitu daripada NKEA iaitu bawah projek ini dan

juga daripada NCIA, north corridor. So, they have gotten both funding from them to cover the whole cost of project actually.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *Pardon.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *For the same project actually, for the same project. Now, Hannan mempunyai dua projek.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *Oh, they have gotten for the whole 100 percent of the cost of the project. So, now the sense of responsibility is what that we questioning about- dengan menggunakan dasar NKEA di mana 30/70 itu tidak tercapai dari segi kehendak kerajaan itu. So, that is the thing that we questioning about but looking at some detail about this syarikat peneraju on the next slide.*

Okey, dengan cara mudah kita cuba buat dengan satu gambar rajah. Penternakan udang *aquaculture* di Kerian, Perak oleh Hannan Corporation Sdn. Berhad. Mereka telah memperolehyarikat ini telah memperoleh dua sumber pembiayaan iaitu daripada NCIA yang mana mereka telah menyatakan kos projek untuk kedua-dua projek iaitu yang biru Kompleks Akuakultur Selinsing dan Kompleks Akuakultur Pulau Gula. *Both* berada di daerah Kerian.

Di NCIA mereka telah memaklumkan bahawa kos projek ada RM150 juta dan kontrak telah dimeterai Januari 2011. Manakala, di bawah NKEA pula mereka telah menyatakan kos projek RM353 juta dan kontrak dilaksanakan mulai Oktober 2011. So, setakat ini pembiayaan kerajaan ada RM 10.8 juta dan kesemua RM10.8 juta telah dibayar oleh pihak NCIA untuk Selinsing, manakala pembiayaan sebanyak RM25.2 juta melalui kontrak yang dimeterai di antara kerajaan dengan Hannan dan sejumlah RM14.38 juta telah dibayar bagi Pulau Gula. Manakala, di bawah NKEA pula sejumlah RM20.88 juta melalui kontrak dan RM14.62 juta telah dibayar dan untuk Pulau Gula pula RM 68 juta dan kemudiannya RM16 juta setakat ini telah dibayar.

On the next slide, so, ya...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: *So, how much the amount but actually misled the two agencies NKEA and NCIA because if you claim I want so much, the other said I want so much for the same project you know. It is not the amount but you have misled the two agencies.*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *In a while when we were auditing we found—we try to compare apparently during that period Jabatan Audit Negara telah melaksanakan dua kajian secara serentak. Satu adalah berkaitan dengan NCIA, satu lagi adalah berkaitan NKEA. So, we try to compare these two within ourselves and we found there are certain component yang sama tetapi telah dituntut dari dua agensi ataupun dua pihak kerajaan, dari NCIA dengan NKEA.*

■1130

Font yang berwarna merah adalah semua yang bersamaan antara NCIA dan NKEA... [Merujuk slaid pada pembentangan] Sebagai contoh, *access road* nombor dua untuk NCIA, kita dapat lihat ada juga *claim reimbursable* daripada NKEA, nombor enam di bawah NKEA *access road* juga. So, *it is for the same component they have claimed actually.*

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Seksyen (Parlimen & Kabinet) Kementerian Kewangan]: Tuan Pengerusi, mungkin dalam prosiding nanti ataupun mungkin kita sudah boleh masukkan dalam syor nanti, syor PAC nanti, saya lihat ini nampaknya macam terdapat penyalahgunaan dana kerajaan untuk satu projek. Kalau boleh Encik Raja buka yang slaid sembilan tadi. Ini satu contoh. Mungkin dalam prosiding nanti Tuan Pengerusi, kita boleh minta supaya MoA membina ataupun menggubal satu SOP bagi memastikan mana-mana projek yang diletakkan di bawah projek yang seperti ini, kena ada hanya sebuah agensi kerajaan sahaja yang boleh bagi dana. Tidak boleh ada dua, tiga dan sebagainya. *I think* ini kita masukkan dalam syor nanti dan juga kita kemukakan kepada KSU supaya mereka membuat satu SOP. Ini bukan satu kes yang pertama saya fikir tetapi banyak kes yang sebegini. Itu satu Tuan Pengerusi.

Kedua, kadangkala kita tidak tahu sebenarnya bagaimana mereka menentukan kos sebenar projek fizikal itu. *Lets say* katakan projek fizikal itu katalah RM50 juta sebenarnya tetapi dia *mark-up*, mungkin ada berlaku kes itu dan 30 peratus itu sebenarnya sudah pun boleh menampung pembinaan satu projek yang sebegini rupa. Ini pun satu proses yang perlu ada SOP yang dibina oleh MoA. Mungkin itu kita boleh bangkitkan dalam prosiding nanti. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Maaf, maaf. Tuan Pengerusi, maaf saya baru masuk, hendak tanya. Untuk item *access road* ini, dua-dua sudah siapkah atau belum, kerja?

Beberapa Ahli: Sudah siap.

Datuk Liang Teck Meng: Akan tetapi yang di-*claim* oleh pihak mana dulu, Yang dituntut?

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: NCIA dahulu.

Datuk Liang Teck Meng: NCIA dahulu?

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Ya.

Datuk Liang Teck Meng: Makna, NKEA ia masuk kemudian.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Yes.

Datuk Liang Teck Meng: Jadi, kemungkinan besar dia sudah tahu projek sudah siap dah.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Yes.

Datuk Liang Teck Meng: Akan tetapi dia masih buat tuntutan.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *Right.*

Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud: Yang Berhormat, *just to clear.* Maksudnya di sini, *different terminology* dia guna, bukan. Macam *access road* di dalam ini *still main barn.* Dia macam *different terminology*, *access road* ini bukan, sebagai contoh. Benda-benda itu semua sudah siap tetapi dia *claim* semula. Cuma *different terminology.*

Datuk Liang Teck Meng: Dan dibayar pada orang lain, berasingan?

Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud: *Same.*

Datuk Liang Teck Meng: Syarikat yang sama?

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Syarikat yang sama.

Datuk Liang Teck Meng: Aiyoi

Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud: Syarikat yang sama dapat dua punca.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Bagi komponen yang sama, komponen projek yang sama.

Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *Right, right.*

Datuk Liang Teck Meng: Jadi wang itu pun sampai hari ini tidak dipulangkan kepada kerajaan?

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *In fact they are claiming, they got some more balances that they are claiming actually daripada kerajaan... [Disampuk] On the slide. Ya, itulah yang balances, yang warna oren itu adalah yang telah dibayar. Jadi ada baki lagi. Kalau 20, untuk NKEA, sebelah kanan, kontrak 20.88, yang telah dibayar 14. So, there is a balance so almost about 5 million which I believed they have already starting to claim. That means dia telah hantar tuntutan tetapi if I not mistaken, DOF hold on the payment actually. They are holding on the payment based on this situation actually.*

Datuk Liang Teck Meng: Jadi pada pandangan Jabatan Audit Negara, tanggungjawabnya pada siapa?

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Okey, Yang Berhormat. Kalau kita lihat daripada segi dokumentasi, NCIA telah mengikat satu kontrak pada Januari 2011 manakala NKEA di bawah Kementerian Pertanian, hanya pada Oktober 2011. Nampak *that it was MoA* ataupun Kementerian Pertanian selepas NCIA kontrak tetapi apabila dalam keadaan kita menemu bual dengan pegawai MoA ini, *they said that first of all it depends on the proposal of the company itself. They proposed in such a way they have not informed about the NCIA punya portion. That is how it was mentioned to us. Probably they will be in better position to answer on that part actually.* Akan tetapi mereka pada masa itu tidak tahu berkaitan dengan NCIA.

Datuk Liang Teck Meng: *Yes, proposal can come from the contract and on the developer or the contractor.*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *Right.*

Datuk Liang Teck Meng: *But was not that, should not that be verified also by the...*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *A due diligence supposed to be done.*

Datuk Liang Teck Meng: *Ministry.*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *Yes, exactly. It should be done but probably they were lacking on that part [Ketawa]*

Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud: Sepatutnya, tetapi saya rasa ada...

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Sepatutnya. *However*, dalam SoP oleh PEMANDU untuk NKEA ini, ada disebut mereka boleh membiayai 30 peratus bagi projek yang akan dilaksanakan selepas kontrak dan juga bagi satu tahun ke belakang yang telah pun dilaksanakan. *It is in the SOP of PEMANDU. That means if a company just went in dan dia sudah mula buat, then government goes in and say that can you build more ponds to help our government, our national GNI and all this things, so when they agree, the government is willing to membiayai yang one year before punya.*

So, probably those kind of things but based on the question tadi dengan Kementerian Kewangan, pihak Department of Fisheries (DoF) iaitu Jabatan Perikanan Malaysia mempunyai satu unit teknikal yang diwakili oleh engineers and setahu kami mereka akan turun ke site and mereka akan buat satu kajian berkaitan dengan BQ dengan cost of the project to come out seolah-olah satu anggaran jabatan. Roughly this is the cost of it. Actually it was a big question for us masa mula-mula kita audit pun it was a big question. Is this actually total cost of the project actually because it has been derived by the private sector to the government but...

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *It is the total cost for each of it. Maybe we can go to this one. Okay, one slide before, the one ada graf. Selepas ini, lagi, okey... [Merujuk pada slaid pembentangan] The cost projek adalah RM150 juta bawah NCIA. Kalau kita lihat di atas, the cost projek RM150 juta yang mana portion of government fund is RM10.8 juta dan RM25.2 juta.*

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Apa pun alasan, kalau kita tengok di sini, terlalu jelaslah. *That means you are doing this with bad intention. You cannot be enter into agreement simultaneously. One party and another party, I mean you enter an agreement [Ketawa] The payment is another tetapi menandatangani perjanjian... [Disampuk] For the same project.*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *Probably, we need to question MoA also on what is the status of the project as it is now because to what that we know, it is not in a very positive move actually on this project. So, they are lacking in the lot of things actually, it seem.*

Datuk Liang Teck Meng: *So, have you check the background of this Hannan Diversified Sdn. Bhd.?*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *Okay, right. So the next slide...*

Datuk Liang Teck Meng: *Oh! I see.*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *Ya. The next slide, alright... [Merujuk pada slaid pembentangan] The main point sekarang kita dapati syarikat Hannan ini sebenarnya tidak mempunyai kepakaran dan pengalaman berkaitan dengan industri perikanan. So, apabila kita lihat daripada segi bidang yang dia telah pun daftar di bawah Kementerian Kewangan, dia tidak mempunyai kepala bidang di bawah pertanian ataupun perikanan.*

■1140

So, yang merah adalah, apakah bidang yang dia telah memperoleh daripada Kementerian Kewangan dan kotak yang berwarna biru itu adalah sepatutnya dia memiliki dua nombor pertama kod bidang 07 ataupun 21. Itu menunjukkan dia mempunyai satu kepakaran. *And, in the SOP of NKEA telah ditetapkan mereka kena pilih syarikat yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga tahun dalam bidang penternakan udang.*

So, again another question who is this company to even though tidak ada kepakaran tetapi telah pun dipilih dengan pembiayaan dua pihak agensi kerajaan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *Tuan Pengerusi. I tend to agree that project should be given to any firms that have a background of experience. But, sometimes the government policy is that if a firm has not got any background of certain activity field. When can it has its experience, if you don't give one. That's number one.*

Number two, this is the policy of the government also to give experience or feel to firms need to be dipertabatkan. So, the questions here I think this is not a very good reason for us to point out they don't have the kepakaran or not but I think it is important not so much on the past experience but the people inside the firm must have that kind of experience- staffing. Not so much on the past experience. Thank you.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *Okay, agreed. Yang Berhormat. Anyway, probably do you have nanti boleh maklumkan perkara tersebut how they actually choose that, maybe dengan adanya kepakaran staffing dalam syarikat tersebut.*

Datuk Liang Teck Meng: *But how can a company yang tidak ada pengalaman, can fulfill two agency at the same times. Kalau satu pihak saya fahamlah mungkin ada alasan tertentu?. Akan tetapi, dua-dua pun boleh terima daripada agensi yang berlainan.*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *Also, in the SOP PEMANDU telah pun ditetapkan. Syarikat mestilah memiliki pengalaman selama sekurang-kurangnya tiga tahun dalam bidang penternakan udang ini. Because this is just for you information. This is not to create company in this NKEA. Ia adalah untuk mencambahkan ataupun melonjakkan penternakan udang yang sedia ada. They want to add-on on that.*

So, the thing is that. They need to get the players to certainly fulfill that GNI as at 2020. It is not time frame where they can go on the slow motion. But, they have to do it fast because their target is 2020, mesti capai. So, dia mesti cert yang sedia ada. That means, in our understanding katakan sebuah syarikat mempunyai 100 kolam. Now, government comes in and said look can you make it to 200 kolam. I will support you 30 percent and you come out with 70 percent of the extra 100 kolam itu. Itulah cara mereka laksanakan NKEA ini. That sense with you.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Satu lagi Tuan Pengerusi. Saya rasa penting kita hendak tengok syarikat ini kerana kalau kita hendak syarikat membiayai 70 peratus, we have to get to look the capabilities of this company. What is your paid up capital? How is the status of the company*

now? Whether they have the money or not? Kalau satu syarikat yang tidak ada duit, kalau disuruh memang jadi macam ini...

Datuk Liang Teck Meng: Ya. betul.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Kita telah pun buat *some search on that finance part of it*. Sememangnya, mereka tidak mempunyai *capabilities* daripada segi kewangan. Kalau kita boleh lihat dalam- Apabila syarikat Hannan telah membuat kertas cadangan perniagaan, mereka telah maklumkan unjuran keuntungan dan aliran tunai bagi projek kompleks Selinsing. *Just for the Selinsing, because Selinsing was a start actually before Pulau Gula.*

So, telah di nyatakan dalam kertas cadangan perniagaannya- *business proposal* bahawa untung bersih bagi tahun pertama adalah negatif RM10 juta. *And then*, tahun kedua baru memperoleh RM345,000. *Then*, tahun ketiga adalah RM3.9 juta. Manakala, aliran tunai adalah negatif bagi tiga tahun berturut-turut.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kalau negatif tiga tahun berturut-turut. Siapa yang akan membiayainya. Kalau syarikat tersebut tidak ada dia punya kekuatan.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Tidak ada aliran tunai dia untuk membiayainya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Itu yang I asking just now. *What is the capability of the company? How much money that they have? How much money they have in the bank? Something like you know.*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *The paid up capital...*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Encik Rosli bin Yaakub: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Ada.

agak terganggu sedikit dan dia pun kurang kepakaran daripada segi macam mana hendak atasi masalah itu. Itu yang menyebabkan dia rasa *the first project* itu dia rasa tertekan sedikitlah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Datuk, maknanya kita sekarang apa taklimat daripada kementerian tadi, pihak kementerian maknanya *are fully aware that this particular company now signing two different set of agreements at the same time for the same project*.

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Tuan Pengerusi, dia *complete one* dahulu, dalam NKEA punya syarat, dia membenarkan syarikat itu buat dua atau tiga projek tetapi tempat yang berlainan dengan syarat projek yang pertama itu siap dan juga menunjukkan kemajuan yang baik. *The first project* yang di Hannan itu memang menunjukkan *progress* yang baik daripada segi pengeluaran tetapi bila dia kena dengan penyakit itu, dia agak terganggu sedikit.

Encik Rosli bin Yaakub:Yang Berhormat Datuk, bolehkah saya minta supaya Jabatan Audit menjelaskan apa yang terpapar di skrin sekarang ini di mana terdapat lebih *claim* dan sebagainya.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Baik, terima kasih...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:*Before that, just want to ask this one* tadi. Dia buat satu siap dahulu selepas itu baru *the second one*. Yang *first one* itu di bawah NKEA kah atau NCIA?

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Yang kita punya, bawah NKEA. Kita bayar, NKEA.

Datuk Liang Teck Meng:Tuan Pengerusi, bolehkah atau tidak menjelaskan dengan lebih *detail* lagi. Pada waktu itu, apakah kriteria yang ditetapkan oleh kementerian untuk mempertimbangkan sama ada syarikat itu layak atau tidak? Kalau kata SOP yang tidak begitu ketat, agak *general*-lah *statement* itu. Saya hendak tahu dengan lebih tepat lagi apakah kriteria dan syarat-syarat yang ditentukan oleh kementerian dalam pertimbangan projek ini?

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Tuan Pengerusi, sebenarnya yang pertama syarikat itu kena ada tanah dahululah. Tanah *is one of the constraint*. Tanah itu, *the main one*.

Kedua, *sure* kena ada modal, dan yang ketiga, dia kena ada juga *expertise* dan juga pengalaman. Kalau syarikat yang melabur itu sendiri tidak ada pengalaman, dia boleh *hire expert from outside* untuk bantu dia daripada segi pembangunan. Kita tengok daripada segi asal itu memang dia ada semua ini. *That is why* kita luluskan daripada segi teknikal.

Sebenarnya pemilihan syarikat untuk NKEA ini, ia bukan selapis, ia sampai empat lapisan sebenarnya. Lepas Jawatankuasa Teknikal Jabatan, ia akan pergi kepada GMO di peringkat kementerian dan ada satu Jawatankuasa dipanggil *Evolution Team* yang terdiri daripada pegawai-pegawai kementerian, pegawai-pegawai PEMANDU, pegawai-pegawai Jabatan Perikanan dan juga kalau perlu di-*hire outside people to give opinion also*. *They will sit inside the committee* yang dipanggil *Evolution Team (ET)*.

■1300

Lepas yang itu baru dibawa ke satu Jawatankuasa dipengerusikan oleh KSU, dipanggil Jawatankuasa Penilaian. Lepas itu baru angkat kepada Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang

Berhormat Menteri sendiri dipanggil *Steering Committee*. Maksudnya proses pemilihan syarikat itu bukan satu Jawatankuasa tetapi sekurang-kurangnya empat buah Jawatankuasa yang terlibat.

Datuk Liang Teck Meng: Adakah Audit hendak respons pada poin ini? Sama ada syarikat itu layak atau tidak.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: Kalau kita lihat daripada segi bidang yang mana syarikat ini telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan... *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Slaid sijil kod bidang. Kita dapati syarikat sebenarnya tidak mempunyai bidang daripada segi perikanan ataupun ternakan yang telah didaftarkan dengan Kementerian Kewangan. So, dari situ kelayakan menjadi satu tanda soal sama ada syarikat ini benar-benar layak untuk di pertimbangkan ataupun tidak.

Kedua, saya setuju dengan pandangan Ketua Pengarah, Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan bahawa dia boleh *hire a third party to be in the company*. But then, of course expertise of the company dari segi *at least one of it*, pertanian, perikanan mesti ada. *It is not that any other company can just hire anybody and then you do. Because this is a big project it is a HIP project actually. So, actually you talk about that- they should have some kind of expertise within the company itself. That is the first thing.*

Kedua, ialah daripada segi kelayakan untuk memilih *I think* soalan persoalan Yang Berhormat tadi berkaitan dengan komponen *probably they misconstrued saying that what you were questioning actually is about the same project but two different agency who is participating in that particular project actually. It is not* antara Pulau Gula dengan Selising *as what it is been answered just now. It is between two agencies participating together in the same project. I think that was the question actually, which was questioned by Yang Berhormat.*

Tuan Pengerusi: Tadi yang Datuk cakap. Satu projek untuk *infra* sahaja NKEA apa?

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang daripada pemahaman saya atas projek ini *NCIA financing different project and NKEA atau ABP different project. I mean the same project but different scope*. Bukannya maksud dia, sebuah jalan itu dibayar oleh dua buah agensi. Bukannya *double claim or double dipping*.

Puan Noor Azura binti Ahmad: Kalau boleh saya tambah? Okey, dia ada dua projek, satu di Selising dan juga Pulau Gula. So, Selising itu *NCIA agreement was signed* Januari 2011 *and then* bagi MOA pada Oktober 2011. Berdasarkan kalau saya tengok *payment* di peringkat MoA bagi tujuan pembayaran, gambar-gambar yang disertakan untuk *claim* ialah gambar projek-projek yang telah siap sebelum kontrak *was signed* dan bagi NCIA juga skop yang dibiayai oleh NCIA juga untuk kerja-kerja *infra...* *[Disampuk]* Sama. Projek yang sama untuk Selising dan juga untuk Pulau Gula. Selising pada tahun 2011, kontrak *signed* dia belum keluarkan udang lagi. *Infra* baru hendak siap sebab dia *complete payment 2012*.

So, daripada segi kalau kita hendak bercakap berkenaan dengan prestasi projek *at that moment* kita belum boleh menilai lagilah sebab dia *still ongoing*. Cuma infra itu sudah siaplah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: *[Bercakap tanpa membuka pembesar suara]*

Puan Noor Azura binti Ahmad: Dua-dua. Selinsing dan Pulau Gula.

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: So, kalau kita lihat kepada slaid ini Yang Berhormat... *[Merujuk pada slaid pembentangan]* *We can see* perbandingan antara dua agensi iaitu NCIA dan NKEA pertanian. Kita dapat lihat terdapat komponen-komponen yang sama di bawah pembiayaan kerajaan. Kalau kita lihat dengan skop kerja. *The red fonts shows. Let us look at one,* NCIA bagi skop kerja *access road*, nombor dua, sama dengan NKEA pertanian bagi nombor enam iaitu *access road* juga. *So, this is what we are talking about.* Di mana ada satu projek Selinsing sahaja tetapi dua buah agensi kerajaan yang membiayai skop tersebut.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: *Engineer* kita, jurutera kita untuk menjawab. Yang Berhormat.

Encik Zamanl bin Omar [Pengarah Perikanan Negeri Johor, Jabatan Perikanan Malaysia]: *Assalamualaikum* Tuan Pengerusi, tuan-tuan. Saya ingin menjawab soalan ini, contohnya untuk *access road*. Untuk pembiayaan projek NKEA MoA walaupun dia nama *access road* tetapi kita hanya biayai sepanjang 2.5 kilometer. Iaitu dari jalan utama masuk hingga dia punya *main office building* dan jalan itu kalau ikutkan ada bahagian *portion* yang panjang lagi. Kami difahamkan katalah poin *A to B* ialah di bawah NKEA tetapi poin '*B to C*' itu bawah NCIA.

Encik Rosli bin Yaakub: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Puan Noor Azura binti Ahmad: Kalau *based on document* yang saya semak, memang gambar-gambar yang dibagi- dia memang gambar membandingkan sebelum dan selepas. *Even* gambar selepas dia pun dah siap sebelum kontrak *signed* sebab bayaran itu sudah diselesaikan di peringkat NCIA. So, projek itu memang sudah siap. Jalan, apa semua dah siap sudah. Bentuk bayaran daripada- yang *clear* itu nampak bayaran pertama dan ketigalah.

Encik Badrul Hisham bin Mohd: Tuan Pengerusi, sebenarnya kalau kita tengok projek NKEA ini kan *all stated* dalam *agreement* itu berapa panjang, berapa besar *details BQ* dah ada lama *agreement*. Kita, kalau pegawai-pegawai saya bahagian *engineering* dia hanya pergi tengok. Kita tidak *certified*, kita *verified* sahaja. *Whatever claimed by company* yang dia punya konsultan yang sahkan, kita punya pegawai pergi *verified* dan *based on* dalam kontrak. Dalam kontrak, sepertimana tercatat dalam kontrak. Kita hanya bayar yang itu sahaja.

That is why untuk maklum Tuan Pengerusi. Bila ada isu dia timbul projek di satu lagi itu kita tahan *payment* dia. Kita tahan *payment* dia sekarang ini. Kita harapkan kita dapat *clear* benda ini dengan NCIA *and* kita pun *keep in touch* dengan NCIA, minta beritahu NCIA dekat mana yang dibayar supaya tidak ada pertindihan. Ini kita dah betulkan dan kita masih tahan lagi walaupun dia sudah

submit dia punya *payment*. Kita masih tahan lagi. Kita hendak *clear*-kan benda ini supaya tidak ada isu pertindihan daripada segi pembayaran.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Adakah itu Datuk Seri, ini bermakna itu pihak Kementerian Pertanian itu mempercayai tidak ada bayaran tindihan?

Encik Badrul Hisham bin Mohd: Pada kita, macam saya cakap tadi, kita *based on agreement*. Dalam *agreement* dia ada *stated BQ details* itu memang ada dalam itu dan kita *just* bayar *based on* apa ada dalam *agreement* sahaja. Itu yang dalam kontrak, kita ikut dalam kontrak. Pasal apa, infrastruktur yang dibenarkan akan dimasukkan dalam kontrak secara *details* di BQ dan juga kuantum dia. Beberapa nilai pun ada dalam BQ.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tadi *you mentioned* ada konsultan yang *certified*. Konsultan ini siapa yang *engaged*?

Encik Badrul Hisham bin Mohd: Konsultan itu salah satu syarat NKEA Tuan Pengerusi ialah syarikat kena *appoint* konsultan yang *qualified*, yang berdaftar dan daripada segi *integrity pact* dia kena tanda tangan. Dia kena sahkan benda itu. Maknanya kalau apa penipuan pun kita pegang syarikat itu *because* dia sudah *signed* integriti *pact*. *That is why* saya awal-awal lagi sebelum projek ini hendak kita jalankan saya panggil audit juga duduk, minta *advise Audit from time-to-time* dan kita dinasihatkan supaya jangan *certified*, kita *verified* sahaja. Biar dia punya konsultan itu sahkan projek itu. Kita tidak sahkan sekarang. Walau bagaimanapun, untuk kes pembayaran pegawai saya memang pergi ke bawah untuk sahkan tengok daripada segi *details*.

Tuan Pengerusi: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: So, *you are saying that*, apa yang telah di *certified* oleh konsultan *had been verified by your own engineers and you find that everything is accordingly to the contract*?

■1310

Puan Noor Azura binti Ahmad: Okey. Saya hendak tanya, macam tadi kalau kata jalan panjang sekian, dia ada *portions* MoA dengan NCIA. Kalau dalam kontrak, di bawah NCIA dinyatakan bahawa untuk Selinsing ada 140 buah kolam, dalam MoA pun 140 buah kolam, adakah bermaksud 280 buah kolam? Jadi, macam mana kita hendak bahagi itu kalau yang Pulau Gula 360?

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Tuan Pengerusi, daripada segi kita di peringkat kementerian, kita jelas dalam kita punya kontrak itu, beberapa kilometer jalan, berapa kosnya...

Puan Noor Azura binti Ahmad: Sama macam NCIA. Dia pun ada bilangan kolam dia.

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Akan tetapi, saya pun tidak hendak *argue* benda ini *because I am depend on my department. It is because we followed exactly* apa dalam kontrak.

Encik Rosli bin Yaakub: Yang Berbahagia Datuk, isu yang diketengahkan oleh Audit dan juga PAC sebenarnya *tendency* untuk *company* ini memohon kepada dua buah agensi kerajaan bagi benda yang sama. Itu isu dia. Itu isu yang dibangkitkan oleh Audit. Dia hendak *verify* sama ada *access road* ini adalah *asccess road* yang sama. Kalau panjangnya 'A', adakah 'A' ataupun 'A' dan 'B'. Itu

sahaja jawapan yang PAC hendak. Mungkin Datuk boleh jelaskan, adakah yang ditanya oleh Audit ini jalan 'A' atau jalan 'B' ataupun kedua-duanya 'A'? Itu sahaja kita hendak tahu.

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Dia yang pergi ke bawah, dia boleh jawab.

Encik Ahmad Tarmidzi bin Ramly [Pengarah Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Perikanan Malaysia]: Tuan Pengerusi, boleh saya tambah sedikit lagi?

Encik Rosli bin Yaakub: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Ahmad Tarmidzi bin Ramly: Tuan Pengerusi, tadi ada *engineer* kita beritahu *distance* semualah. Akan tetapi apa yang kita pasti, jalan yang semasa dibina itu oleh NKEA, bukan NCIA. Kita tidak tahu apa yang NCIA buat, jalan mana pun ketika kita buat *agreement* ini. Jadi, NKEA punya projek, kita tengok dari jalan sedia ada, jalan sedia ada iaitu jalan ban JPS yang kecil yang *hardly* treler boleh masuk. Jadi kita membina sebuah jalan ladang supaya treler boleh masuk sebab kita fikir makanan, pengeluaran, memerlukan treler *40 footer* punya saiz. So tidak boleh jalan yang macam ban JPS sahaja, *four-wheel drive* sahaja boleh masuk. Jadi, yang itu kita set. Semasa kita masuk tapak, kita set *engineer* kita...

Encik Rosli bin Yaakub: *I think isunya straight to the point.* Isunya adakah yang *you all* bayar ini A ataupun B.

Encik Ahmad Tarmidzi bin Ramly: Ini hendak cerita ini sekarang. Tidak, sekarang ini hendak cerita, hendak memperjelaskan. Jalan sedia ada itu kami *build-up*. Jadi, kami tidak ambil kira pun jalan sedia ada yang ban saiz tadi, kami *build-up*, tambak jalan besar itu, jalan ladang supaya atas itu sahaja kita ambil kira. Kita bayar yang itu sahaja Tuan Pengerusi. Tidak mengira jalan yang sedia ada itu. Kalau yang itu dibina oleh NCIA, *wallahualam*, kami tidak tahu. Akan tetapi kami datang dengan keadaan sedia ada, kami bina atas. Itu NKEA punya *funded amount* yang dibiayai balik, yang itulah yang kita bayar. Itu sahaja untuk jalan akses... [Disampuk] Kalau tidak dibayar...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *The whole project was a very noble ideas. Very noble idea. Among all the nine companies...*

Puan Noor Azura binti Ahmad: Saya bagi contoh jalan itu sebab daripada segi- *sorry*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Dalam sembilan *company* ini ada satu *company* yang bermasalah. Ini kerana kita tengok di sini, daripada GNI sampai ke hari ini, kalau projek kita RM1.36 bilion, dia telah capai RM939 juta. Kira tidak jauh daripada itu. Maknanya semua berjalan bagus, tetapi ada sebuah syarikat sahaja yang sebenarnya mendatangkan banyak keraguan kepada kitalah. Itu sebab kita hendak penjelasan.

Pertama, saya sebut tadi kenapa Hannan ini diberi dua? Dua projek di tempat yang sama, besar pula itu, kalau kita bandingkanlah bukan. Kalau kita boleh tengok dia punya kekuatan daripada segi kekuatan, daripada segi kewangan, daripada segi kepakaran, apakah sebab diberi sampai dua? Apa sebab apa diberi projek itu besar, padahal keupayaan dia terhad. Selepas itu pula ditandatangani dua *agreements* yang sama daripada dua buah agensi untuk tujuan- kalau patut dia pecahkanlah.

Satu Selinsing, satu lagi yang 'A' itu, satu lagi yang 'B'. Itu tidak ada masalah. Akan tetapi dinamakan dua yang sama, itu sahaja masalah kita. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: Yang Berhormat, saya rasa pertama sekali, ini bukan satu projek di mana kerajaan *spend money* untuk kontrak-kontrak biasa. Macam *conventional contract*, itu buat jalan. Kerajaan 100 peratus beri, okey buat jalan. So, *this is different. Different in the sense that you pump in your money first, then we reimbursable. Of course* kalau ikut mata pandangan kita seolah-olahnya kerajaan *spend million of Ringgit* untuk tujuan ini, tetapi ia tidak *deliver. But this different because in the first place you must put in your money first, then I will reimbursable. Then only you show your commitment.* Kalau tidak, kalau macam projek biasa, *you* buat jalan kerajaan bayar semua, *then maybe* ada elemen kebocoran. Akan tetapi dalam kes ini berbeza.

Kemungkinan apa yang disebutkan tadi daripada segi *double dipping* tadi itu, tuntutan berganda, kemungkinan juga disebabkan oleh pemahaman bahawa ada dua buah geran. Akan tetapi sebenarnya, yang di NCIA itu adalah *loan. It is a loan.* So maknanya komitmen dia, komitmen syarikat itu untuk membayar balik. Akan tetapi yang...

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: *It is convertible loan.*

Encik Badrul Hisham bin Mohd: *It is a soft loan.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Encik Badrul Hisham bin Mohd: Tidak *privy to the document.*

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: Tidak. Oleh sebab itu yang NCIA punya sebagaimana yang *team engineering* tadi pergi tengok, sebab itu NCIA punya *maybe investigation* juga boleh dibuat di bahagian NCIA supaya kita sama-sama dapat melihat sama ada perkara ini *overlapping* atau tidak *overlapping.* So mungkin for tujuan *more transparent...*

Encik Raja Sunthara Kannan A/L Raja Gopal: *Should be the way forward* Yang Berhormat *actually, to sit and to discuss back where is the* komponen-komponen yang sama antara kedua-dua itu *and to ratify that and start moving forward. It is because finally we Auditors, we want that GNI actually. We want the GNI to be achieve by the country actually, however it is. So, it could be probably while I could see that now we are discussing with MOA as one party only and NCIA not here to represent that. So if they all, both parties are together, then we can discuss the things basically where it went wrong and all this things actually.*

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: Yang Berhormat, saya...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *It supposed to whole ideas you know because we are not trying to blame one another. But we want to see now, which are the area that we have already now double payment. Number two, because now you see, kalau you say road, I can see any road, this road. But actually try to specify. So this is the way forward.* Kita hendakkan sekarang kalau boleh tidak ada lagi kesilapan yang akan berlaku sebab benda macam ini menimbulkan keraguan. Itu sebabnya. Terima kasih Datuk.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: Okey Yang Berhormat. Saya ingin juga mencadangkan supaya pihak Audit melihat keseluruhan dahulu. Jangan perkara yang belum *certain* macam ini, kita bawa ke sini sebab sudah ada melibatkan satu parti lagi iaitu pihak agensi kerajaan juga. Kita selalu bercakap, kita dalam agensi kerajaan yang sama. Kenapa kita tidak panggil NCIA dahulu dan kita *present* sama-sama di sini.

Puan Hasimah binti Rahmat: Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk, sebenarnya kita sudah buat PAC dengan NCIA pada 18 November 2015 dan kita sudah bincangkan. Untuk makluman juga, jumlah pembiayaan yang kita berikan kepada *Hannan Corporation* RM36 juta, tetapi yang geran sahaja RM30 juta. Sedikit sahaja maksudnya yang perlu dibayar balik hanya RM6 juta yang dipanggil *soft loan* itu. Sebanyak RM6 juta sahaja. So, RM30 juta adalah geran daripada kerajaan.

Tuan Pengerusi: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Kita sekarang ini, kita hendak *clear* benda ini *because* sekarang ini kita tidak bayar tahu. *Although* dia *submit* dia punya permohonan dia walaupun projek itu sudah siap, kita masih lagi tahan lagi. Kita hendak minta pihak kementerian, PEMANDU supaya *clear* benda ini sebab kita pun takut juga. *It is because* kalau kita silap esok, dia boleh saman kerajaan *because it is in the contract*. Ini saya rasa agak- itulah saya minta pihak yang berkaitan selesaikan benda ini sama ada bertindih ataupun tidak.

Kedua, dalam NKEA itu sendiri, ia tidak mengatakan dalam kita punya kontrak ini, syarikat tidak boleh dapat lebih daripada satu geran. Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Ini *engineer, how do you look at this?* Maknanya begini, kalau saya minta penjelasan daripada- *Engineer* ada ya, encik siapakah tadi?

■1320

Maknanya tambak tanah dia *claim* apa ini, *in simple term*. Tambak tanah dia *claim* kepada NKEA, lepas itu bila merata tanah itu dia *claim* pula NCIA... [*Disampuk*] Begitu.

Encik Ahmad Tarmidzi bin Ramly: Tuan Pengerusi, projek ini ikut projek ini kita NCIA macam itu memang tidak dimaklumkan tentang kerja-kerja *access road* sebab kita sahaja yang buat *access road* masa itu. Kalau di dalam *agreement* dia kita tidak pernah tengok pun *agreement* ini dekat tangan kita di projek NKEA-lah. Maknanya apabila kita laksanakan projek ini ,kalau dia ada projek lain bersama buat masa kerja-kerja, memang kita tidak tahu sebab apa yang kita tengok memang tidak ada. Kita sahaja yang membuat pengiraan, membuat semakan kerja-kerja itu semua. So, tidak adapun tengok *in fact* tidak nampak pun orang-orang agensi lain datang menyelia projek.

Jadi masa kita laksanakan projek Tuan Pengerusi memang kita sahaja dalam *group* itu. *Unless, they go different time* saya tidak tahulah tetapi *officer* kita memang pergi tiap-tiap bulan.

Tuan Pengerusi: *On how can* Jabatan Audit buat audit, dipanggil audit susulan. *Then you go on audit susulan- the ratify the...*

Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud: Tuan Pengerusi, cuma yang saya rasa pelik sangat takkan PEMANDU tidak tahu. *They should know what* [*Ketawa*]

Datuk Liang Teck Meng: Soalan saya...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Okey, Tuan Pengerusi, *can you give me some.*

Datuk Liang Teck Meng: Apabila mereka memohon kepada NCIA, adakah tidak Jabatan Perikanan terlibat dalam permohonan itu? Satu. Apabila mereka berbuat permohonan melalui NKEA, adakah tak Jabatan Perikanan yang sama juga terlibat dalam permohonan ini? Kalau dua-dua permohonan ini juga Jabatan Perikanan yang sama terlibat jadi masalahlah timbul di situ.

Puan Hasimah binti Rahmat: Kalau boleh saya tambah. *In fact* masa dia *award* kontrak itu Menteri MoA pada masa itulah ada buat *press statement*. So, dia ada nyatakan di bawah projek NKEA dia ada bagi kepada Hannan dan Hannan juga dapat bantuan daripada NCIA, ada dia punya *statement*.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hasimah Rahmat: Oleh *Minister*, semasa Hannan dapat kontrak, *press statement*.

Datuk Liang Teck Meng: Maksudnya tidak timbul bahawa NKEA melaksanakan projek ini dan tidak tahu sebenarnya mereka menerima bantuan daripada NCIA.

Encik Badrul Hisham bin Mohd: Tuan Pengerusi, saya cuba. *First and foremost, the principal* untuk mana-mana *anchor company* mereka boleh mendapat bantuan kewangan yang lain. Maknanya, *as long as it is not a grant it is allowable*, okey. *At the point* yang mana projek ini diluluskan, pemahaman kita *based on feedback* daripada syarikat, *let say they gotten a loan*. So, dari segi kriteria yang Yang Berhormat tanya tadi dia tidak *fail*-lah *because they can get a loan okay but what AG saying now this loan is convertible grant which we have no view of that agreement*-lah. Itu yang...

Datuk Liang Teck Meng: *No, they did not fail in getting a loan but did they fail in getting approval because they did not even registered under kepala.*

Encik Badrul Hisham bin Mohd: *Hold on. The loan is actually via NCIA okay so we are not party to that but we do know is that they were given a loan. So, dari segi kriteria pemilihan, kalau dia dapat loan dari mana-mana badan kerajaan pun dia tidak disqualify you from the anchor company di bawah NKEA.*

Nombor dua, Yang Berhormat tanya tadi apabila dia memohon *loan* daripada NCIA, adakah Jabatan Perikanan terlibat. Jawapannya tidak. Maknanya apa-apa evaluasi dan penilaian dilaksanakan oleh NKEA hanya dilaksanakan *within NKEA and we are not party to that, so I cannot comment beyond that*. Akan tetapi, untuk NKEA, yes, Jabatan Perikanan was *involve* macam Datuk KP *explained* tadi semua proses-proses tadi daripada ET *and to the next level* itu semua itu memang Jabatan Perikanan *is involve*-lah. *Moving forward now what we do know is that based on the finding from AG that loan NCIA itu is convertible grant than maybe is wise as suggestion by Datuk KSU, was to revisit that element of what that grant actually constitute. We wouldn't know today if I can't divide an answer what would it be. I can tell you what the BQ is for NKEA but I wouldn't know what the commitment are for NCIA. So, probably we have to sit down...*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Okay, okay. We understand. Saya tanya kalau sebelah NKEA yang certified consultant verified by your engineers yang claim through NKEA. Claim the NCIA siapa yang certify, siapa yang verify. If you can- we want to know this, you know.*

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: Itu audit kena tanya...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Okey, memanjangkan kepada soalan sahabat saya dari Limbang, sama soalan dia, sama. Oleh sebab yang dinyatakan oleh Jabatan Audit bahawa gambar yang sama. Itu satu.

BQ tambahan penambahan paras berapa panjang, kos penambahan itu ini Jabatan Audit patut perlu, dan jumlah *claim* yang dibuat. Ini kita mahu *clear* adakah dia betul-betul logiknya *claim* itu. Ada Jabatan Audit buat, kalau ada itu masalah dia.

Puan Noor Azura binti Ahmad: Yang Berhormat, untuk menjawab persoalan Yang Berhormat bagi tujuan siasatan kita fokus kepada *access road* disebabkan ada daripada segi dokumentasi yang menunjukkan kata ada bayaran *duplicate*. Cuma yang *concern* kita, itu contoh jalan sahaja. Sekarang kalau kolam, kalau dalam kontrak sebut 140, MoA bayar 140, NCIA bayar 140, patutnya ada 280 sebab *access road* saya contoh itu sebab daripada segi dokumentasi itu ada.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Yang *you* nampak kolam berapa sana?

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Ini saya hendak betulkan sedikit. Kolam tidak termasuk *infrastructure* dibayar oleh kerajaan, tidak masuk.

Puan Noor Azura binti Ahmad: Ada, ada.

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Tidak ada.

Puan Noor Azura binti Ahmad: Minta tunjuk skop projek, *slide*.

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Tidak ada, kita punya skop projek tidak termasuk kolam ternakan, tidak masuk.

Puan Noor Azura binti Ahmad: *Slide*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Tuan Pengerusi, *can we cadang this one to reheard*.

Tuan Pengerusi: Okey, okey saya nampak tadi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Masa suda melebihi.

Tuan Pengerusi: Ada beberapa persoalan yang harus kita lihat daripada segi *legal*, satu, sama ada *company* itu dihalang atau tidak untuk memiliki dua kemudahan antara NCIA dengan NKEA. Sama ada benda- KSU cakap itu betul juga, ini *we don't take this one is normal project because it is the risk- not to say sharing, the risk is 70/30*. So, walaupun geran NKEA dapat tetapi komitmen *from company is very high*, komitmen dia. NCIA ini *I'm not aware*. *Can you go deeper on gerankah, soft loan-kah itu*.

Puan Hasimah binti Rahmat: Dia ada dua, maksudnya ada *portion grant*, ada *portion loan*.

Tuan Pengerusi: *There is to verify* kerana ini melibatkan- kalau dia *loan*, *I can say now it's nothing wrong because loan*. Maknanya *I can- it is a loan, if you say loan, I can claim-lah because it is a loan. No issue of double claim or double payment*.

Puan Hasimah binti Rahmat: *But* macam yang saya maklumkan tadi.

Tuan Pengerusi: Tidak apa, *you go on that-* tengok secara seterusnya.

Datuk Liang Teck Meng: Tuan Pengerusi, boleh? Saya ada cadangan sedikit. Mungkin selepas ini JAN, audit boleh bagi *information* lebih terperinci sedikit termasuk sepanjang tempoh kontrak ini. Bila dia buat tuntutan daripada NCIA dan NKEA *then* baru kita ada satu gambaran lebih menyeluruh, satu.

Dua, saya hendak tahu apakah ROI-nya. ROI bagi syarikat ini sebab kalau dia ambil dua buah dana, maka kos dia mesti tinggi. Ambil dua buah tempat, maka takkan ROI-nya sampai 20 tahun, 30 tahun. Memang tidak masuk akal. *So, you look from that angle and* maklum balik dengan kita.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: Yang Berhormat, satu lagi saya hendak respons mengenai pendaftaran. Kita sebenarnya tidak- untuk projek NKEA iaitu EPP ini kita telah diberikan peraturan ataupun pengecualian daripada MoF untuk membuat peraturan sendiri. *Which is* kita wujudkan empat jawatankuasa tadi untuk memastikan bahawa peraturan-peraturan duit kerajaan yang dibelanjakan ini mematuhi SOP-SOP yang kita sediakan walaupun MoF kata okey *it's beyond conventional procurement but we will set up our own committee to make sure that the money spend wisely according to the intent and purpose of the allocation.*

■1330

Sebab itu daripada segi pendaftaran tadi, kita telah memastikan bahawa syarikat ini berdaftar dalam kod-kod bidang MoF *because this is not a normal procurement. As rightly...*

Tuan Pengerusi: Saya pun *confuse* beberapa fakta ini. *So, we have to go deeper on Audit,* pergi *verify* kan. Satu daripada segi *loan*, betulkah *converted* jadi *grant*, macam mana pula jadi geran, *loan* jadi geran, macam mana?

Puan Hasimah binti Rahmat: Yang Berhormat, ia bukan *loan* jadi geran. Dalam 36 juta yang diberikan kepada Hannan itu, hanya 17 peratus, atau 6 juta sahaja yang dikira sebagai *loan*. *So,* yang 30 juta itu geran.

Tuan Pengerusi: Tidak, *you* kena *verify* betul-betul, *you verify* betul-betul... [Disampuk] Sudah *verify* dah?

Puan Hasimah binti Rahmat: Sudah.

Tuan Pengerusi: Oleh NCIA?

Puan Hasimah binti Rahmat: Ya.

Tuan Pengerusi: *Quite a big amount, a big amount.*

Puan Hasimah binti Rahmat: Hanya *portion* 6 juta yang perlu dibayar balik.

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Yang itu kita tidak tahu Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Liang Teck Meng: *That is why* Datuk, *I think look at the whole overall,* ini projek yang sangat bagus tahu tetapi persepsi yang wujud sekarang ini memang tidak adil pada Kementerian.

So, saya memang harap sangat kementerian dapat pertahankan *then clarify, clear the drab*. Terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Saya ingin mencadangkan juga Tuan Pengerusi, *lets Audit ambil agreement yang kita ada, agreement kita very clear dan agreement NCIA, adakah ia stated very clear apa benda yang hendak dibayar, apa ia punya BQ detail, ada atau tidak. Ada atau tidak proses-proses certification by dia punya engineer dalam kes-kes pembayaran. Ada atau tidak? Because saya nampak Tuan Pengerusi...*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi, Datuk ya, barangkali pada masa itu belum ada NBOS sebab itu masing-masing *working in the own silo*, barangkalilah bukan. Jadi *my suggestion* Tuan Pengerusi ialah Audit, NCIA dengan NKEA dalam semangat untuk *move forward* lah kan, *just to check* mana pembayaran dibuat memakai NCIA, mana yang dibuat oleh NKEA. Apa yang penting di sini, poket kiri, poket kanan. Jangan bayar dua kali pada kerja yang sama kepada yang membuat ini. Itu yang kita hendak pastikan. Kena duduk sama-samalah, Audit orang tengah. Betul, boleh atau tidak? Itulah, itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Kalau macam KP tadi, dia tidak bayar, jangan bayar dahululah, jangan bayar dahulu... *[Disampuk]* Tidak, saya *clear*, kalau *it is a loan*, ikut manalah, tiga kali dia hendak *claim* dia punya pasallah. Dia akhirnya akan membayar, bukan. *If it is converted to grant, you have to look deeper.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Mr. Chairman, I think even loan pun, loan itu dipinjam untuk membina buat kerja. Kalau dia bayar loan, claiming from the government* benda yang telah dibuat oleh orang lain pun tidak boleh walaupun dia *loan*. *That is why* kena duduk sama-sama. NCIA, NKEA, Audit tengah-tengah, kena *check* betul-betul. Jangan ada *double payment*. Itu sahaja. *Very, very clear*. Kalau ada, *say how*, siapa hendak bayar balik? *Company* lah. *Pay back to the left pocket or pay back to the right pocket. It is still to badan yang sama.*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, daripada segi kementerian, sebelas buah syarikat peneraju, bilangan yang dianggap memuaskan daripada kementerian. Berapa yang dianggap menjalankan tugas yang betul?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]... Daripada masuk tadi. Saya rasa tadi saya ada sebut tentang GNI. There is no finger pointing. No blaming to anyone for that matter now and we should not be feeling, kalau ada bad feeling tidak payah fasal apa we does not want to be here. We have already sacrifice our lunch hour, we do not want and do not like to be here but the thing is kita hendak cari benda yang baik. Fasal saya tengok ini very noble ideas fasal GNI kita akan dapat capai. Fasal sekarang kita sudah dapat 930 juta daripada 1.3 bilion, still ada dekat itu tetapi kita hendak cari sekarang mana tempat-tempat yang ada masalah.*

We are not finger pointing and do not, jangan fikir apa-apa benda tetapi yang ada menimbulkan keraguan tersebut. Fasal apa kalau kita kata, this one is grant, this one is loan. They are

still enjoying the same benefit because from the two different agencies. Kalau kata geran, dia dapat duit itu segera tetapi bila dia dapat pinjaman, there is still element of interest inside that, fasal not only you are getting, you are enjoying the good interest, but you are getting the facilities from the government. Itu dua perkara yang kita mesti kira-kira. Itu sahajalah, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jadi, saya harap yang penting *on* kewangan punya *side, the principle of PAC is to look at the SOP* itu. Maknanya, sama ada kita membayar duit dua kali satu kerja. Macam Encik Rosli cakapkan tadi, dari Kementerian Kewangan. Itu *very important* dan satu lagi elemen kos sebenar itu pun bagaimana, *actual cost* itu. *Actual cost* itu juga kena *verify* oleh Audit. So, kita harap kementerian, NKEA dan pengarah dan juga NCIA dapat beri maklumat pada Jabatan Audit dan Jabatan Audit buat laporan kepada PAC dan kalau kita puas hati, kita boleh terima penjelasan yang diberikan. Jadi terima kasih kepada semua.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: Yang Berhormat, minta sedikit sahaja, sebelum menjawab Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw tadi mengenai mana satu yang paling- yang paling besar sumbangan adalah...

Tuan Pengerusi: Tadi Yang Berhormat Kepong.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: Ya, syarikat *Sunlight Inno*.

Tuan Pengerusi: Yang paling berjaya dia kata tadi.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: *Sunlight Inno. Sunlight Inno* ini di Pitas.

Tuan Pengerusi: *Sunlight Inno* yang berjaya, ya.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: *Sunlight Inno, Asia Aquaculture*.

Tuan Pengerusi: Asia.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: *Asia Aquaculture. Nombor 3, Manjung Bio Ocean*.

Tuan Pengerusi: Ehl Manjung belum *start* lagi.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: Ini GNI, GNI.

Tuan Pengerusi: Mana LKPP yang berjaya tadi.

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Ia yang betul-betul berjaya Tuan Pengerusi, yang di Sabah itu, *I think most all* berjajalah. Di Sabah itu yang empat-empat itu, Aquamarine pun sudah selesai. *Sunlight* and also Pegagau memang sudah keluar. *KB Marine* semua. Keempat-empat ini tidak ada isu di Sabah.

Tuan Pengerusi: Berjaya semua.

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: *Very well*. Di Semenanjung, yang *Blue Archipelago* di bawah Khazanah memang sudah keluar dah.

Tuan Pengerusi: Yang manakah?

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Atas sekali yang di Terengganu... [Merujuk pada *slaid pembentangan*] LKPP di Pekan, memang sudah *produce* dah. Dia memang sudah 100 peratus dan kilang memproses udang pun sudah siap. *Asia Aquaculture* di Johor *also doing well*. Yang sebelah sini,

SPH Perak *also doing well*. Yang Hannan ini ada sedikit isu tadi dan JEFI ini tidak siap lagi, ia belum siap dengan *RE Millennium* ini ada kaitan sedikit isu TNB, elektrik tidak dapat *supply*.

Tuan Pengerusi: Manjong ini ia *take over* yang lama dahulu ya? Yang di Endau, Rompin ini, betul? Pianggu, dia ambil alih, dia *bought over*?

Encik Ahmad Tarmidzi bin Ramly: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Kita sebagai teknikal... *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: ...Memang cadangkan saya jemput semua Yang Berhormat, melawat di sini...

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Glaw: Akhir sekali, mengapakah Jepun tidak boleh terima udang kita?

Tuan Pengerusi: *That is good*. Bahagian Pemasaran.

Dr. Mazuki bin Hashim [Pengarah Bahagian Pembangunan Akuakultur, Jabatan Perikanan Malaysia]: Tuan Pengerusi, sebenarnya macam Pegagau, *one of the export to the Japan and Korea*. Memang dia punya *main export destination*, dan tidak ada isu daripada segi kenapa Jepun tidak- tetapi isu sekarang macam Datuk KP sebut tadi, kebanyakan kilang ataupun syarikat kita tidak eksport *because domestic demands is still very good*. Jadi dia tidak dapat- untuk kilang *since the domestic* bagus. Jadi, tidak dapat cukup untuk kilang untuk eksport. *It is better* jual di dalam *domestic market instead of export*. Jadi oleh sebab *domestic market* daripada segi harga sangat baik sekarang ini, jadi kilang kurang mendapat- untuk eksport. Itu antara isu kenapa kuantiti eksport masih rendah lagi.

Tuan Pengerusi: Apa ini...

Dr. Mazuki bin Hashim: Kalau kita lihat dia punya *range* sekarang ini tidak kurang daripada RM22 hingga RM25 di pintu ladang. *[Disampuk]* Ya, itu di pintu ladang. Maknanya kalau kilang, dibeli dalam RM17, RM15. Dia takkan dapat...

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Glaw: Kenapakah Jepun tidak terima?

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: Saya terlibat lama sudah Tuan Pengerusi. Saya sudah 35 tahun dalam perikanan ini. *Earlier* memang kita punya *main export country* ialah Japan. *Then after that build up to EU and also US and then Korea, China*. Japan ini dahulu dia kaya. *The demand of prawn* tinggi dan bila ekonomi *down* sedikit, dia punya import itu agak kurang, itu satu.

Kedua, Japan ini *market* dia *very*, *they sometime color also very concern*. *Color, size*, dia semua dia rekod. Kalau udang yang *especially udang rimau, colour* dia *different* sedikit, *colour* ada biru sedikit, dia tidak hendak. Dia hendak *colour* itu sama, *same colour, same size, same quality*. *Japan market sometime*, kita punya pengusaha tidak berapa minat hendak eksport ke Japan fasal dia banyak sangat dia punya cerewet dan *it is better to sell to Korea, sell to China, EU...*

Tuan Pengerusi: Taiwan.

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: *Or Taiwan.*

Tuan Pengerusi: *Singapore pun not bad, Singapore.*

Datuk Haji Ismail bin Abu Hassan: *Singapore the demand is very high.*

Tuan Pengerusi: Okey, Mesyuarat kita tangguhkan, dan semua dijemput makan tengah hari di Bilik Jamuan di bawah. Akan tetapi undang tidak ada hari ini *[Ketawa]*

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: Terima kasih. Kita jemput ke *palm* kita. Okey, terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.42 tengah hari.]



**DOKUMEN
PEMBENTANGAN**



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014 SIRI 2
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN
- DIBENTANG DI DEWAN RAKYAT PADA 15 JUN 2015




TAKLIMAT HASIL PENGAUDITAN PRESTASI TERHADAP PROJEK
NKEA PERTANIAN: EPP 6 – REPLICATING INTEGRATED ZONE FOR
AQUACULTURE MODEL (IZAQ) – PENTERNAKAN UDANG
(Jabatan Perikanan Malaysia, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani)
UNTUK JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)




01 NOVEMBER 2016
(SELASA)

JABATAN AUDIT NEGARA

LATAR BELAKANG PROJEK IZAQ		
PERBANDINGAN PEROLEHAN BIASA KERAJAAN DENGAN NKEA		
SUBJECT MATTER	NORMAL PROCUREMENT PROCEDURE	NKEA INCENTIVE PROCEDURE
Government Cost	100% Project Cost	30% Project Cost
Payment To Private Sector	Forward Payment	Reimbursable Basis & Upon KPI Achievements
Construction Design Outcome	May Or May Not Meet Private Sector's Specifications	Meet Private Sector's Specification Since Built By Private Sector
Project Cost Overrun	Borne By Government	Borne By Private Sector
Project Take-Off By Private Sector	Depending On Interest By Private Sector	Secured, Private Sector's Own Project




LATAR BELAKANG PROJEK IZAQ

3

OBJEKTIF IZAQ MENJELANG TAHUN 2020


- 1 Menghasilkan udang berkualiti tinggi sebanyak **100,000 tan metrik (mt)** dan diiktiraf sepenuhnya untuk pasaran premium dan eksport dengan kawasan tanah berkeluasan **10,000 hektar**
- 2 Menjana *Gross National Income (GNI)* sejumlah **RM1.383 bilion**
- 3 Mewujudkan **11,900** peluang pekerjaan baru



LATAR BELAKANG PROJEK IZAQ (samb...)

4


- Setiap projek IZAQ diterajui oleh sebuah syarikat dan boleh disertai oleh perusahaan kecil dan sederhana (SME) melalui konsep pertanian kontrak atau pengaturan perkongsian keuntungan.
- Kerajaan akan membiayai maksimum 30% daripada jumlah kos/pelaburan projek dalam bentuk insentif melalui kaedah *reimbursable*. Daripada 30% ini:
 - ✓ 70% dibayar semasa *pre-production* (pelaksanaan fizikal projek)
 - ✓ 30% dibayar semasa *post-production* (pengeluaran udang - KPI)
- Mulai tahun 2011 - September 2014, 11 kontrak telah ditandatangani antara Kerajaan dengan 10 syarikat peneraju.
- Kos keseluruhan projek berjumlah **RM2.11 bilion** dan insentif Kerajaan diluluskan berjumlah **RM518.63 juta**. Setakat Disember 2014 sejumlah **RM152.04 juta (29%)** telah dibelanjakan.



LATAR BELAKANG PROJEK IZAQ (samb...)

PERIHAL KONTRAK SETAKAT DISEMBER 2014

BIL.	SYARIKAT PENERAJU DAN TARIKH KONTRAK	JUMLAH KOS PROJEK (RM)	INSENTIF KERAJAAN	
			AMAUN (RM)	PERATUS (%)
1.	Pegagau Specialty Farming Sdn. Bhd. - Okt 2011	77,010,000	9,310,000	12.09
2.	Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Selinsing) - 18.10.2011	70,880,000	20,880,000	29.46
3.	Blue Archipelago Berhad - 25.06.2012	256,000,000	23,130,000	9.04
4.	Asia Aquaculture (M) Sdn. Bhd. - 10.12.2012	57,000,000	3,949,829	6.93
5.	Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd. - 12.12.2012	963,641,012	268,222,000	27.83
6.	LKPP Corporation Sdn. Bhd. - 07.06.2013	146,900,000	41,700,000	28.39
7.	RE Millennium Sdn. Bhd. - 20.09.2013	80,576,000	24,172,800	30
8.	KB Aquaculture Sdn. Bhd. - 13.02.2014	21,730,000	6,300,000	28.99
9.	JEFI Aquatech Resources Sdn. Bhd. - 13.02.2014	82,396,000	9,373,000	11.38
10.	JEFI Aquatech (Desaru) Sdn. Bhd. - 13.02.2014	103,635,064	37,846,400	36.52
11.	Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Pulau Gula & Bachok) - 01.07.2014	254,500,000	73,750,000	28.78
JUMLAH		2,114,268,076	518,634,029	-




RUMUSAN KESELURUHAN

7

Secara umumnya projek IZAQ (on going) adalah **memuaskan**.

Secara dasarnya projek IZAQ secara keseluruhannya setakat Disember 2014 sedang giat dilaksanakan secara berterusan

Sebanyak 18 isu telah dibangkitkan dan kesemuanya telah diambil tindakan sewajarnya.



PERKARA TERKINI YANG BERBANGKIT

8


1. SYARIKAT PENERAJU MEMPEROLEHI 2 DANA PEMBIAYAAN DARI KERAJAAN
2. PENETAPAN FORMULA BAYARAN KPI



Dana Pembiayaan Kerajaan NCIA dan NKEA bagi Kompleks Akuakultur Selinsing dan Pulau Gula adalah bagi komponen skop kerja yang sama.

BUTIRAN	NCIA	NKEA PERTANIAN
Jumlah Bantuan Kerajaan	RM 10.80 Juta	RM 20.88 Juta
Bayaran Pre-Production	-	RM14.62 Juta
Bayaran Post Production	-	RM 6.26 Juta
Tarikh Kontrak Ditandatangani	17 Januari 2011	18 Oktober 2011
Tempoh Slap Projek	Jan 2011 - Jun 2013 (EOT)	Mac 2011 - Mac 2012 (EOT)
Tempoh Perjanjian	10 Tahun	-
Skop Kerja	<ol style="list-style-type: none"> 1. Land Clearing 2. Access Road 3. Hoarding/security 4. Ponds (80 nos) <ul style="list-style-type: none"> - Sedimentation & Outlet Canal - Pond Structure (Inlet Canal & Main Canal) - Perimeter Bund 5. Utilities 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Main Bund 2. Inlet Canal & Reservoir 3. Outlet Canal 4. Sedimentation Pond 5. TNB Contribution Fee, PPU, Sub Station 6. Access Road 7. Inlet Water Pumping System 8. LAP Contribution & Water Piping (Domestic)

HCSB tidak mempunyai kepakaran dan pengalaman berkaitan industri perikanan. Salah satu faktor menyebabkan projek tidak lancar.



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

AKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR

No. RUJUKAN PENDAFTARAN : 357-02020782

TEMPOH : 24/02/2010 - 23/02/2013

Hakawa dengan ini diberikan syarikat

HANMAN DIVERSIFIED SON BHD
8-1-7, MEDAN PHOENIX,
CHERAS, KUALA LUMPUR
56000 CHERAS
WY. AYAH PERSEKUTUAN (K.L.)

telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan-perkhidmatan di bawah kepala dan sub-kepala berikut:

090100 090200 190200 130100 140100 160300 190300 220100 220109
220117 221900**

No. Siri : 333202/EP200782
No. Fail : 357-02020782
Name Syarikat : HANMAN DIVERSIFIED SON BHD.
Alamat : 8-1-7, MEDAN PHOENIX,
CHERAS, KUALA LUMPUR
56000 CHERAS
WILAYAH PERSEKUTUAN (K.L.)

Tarikh Tamat : 24/02/2010 - 23/02/2013

090100	PERALATAN / KELENGKAPAN PERUBATAN
090300	PERKAKAS PERUBATAN/PAKAI ELANG
100200	KELENGKAPAN MAKJUAL
130100	KELENGKAPAN KEMUDAHAN AWAM
140100	BAHAN BINAAN
160300	MESIN DAN KELENGKAPAN KHUSUS
190300	PERALATAN MARIN
220105	ALAT KELENGKAPAN HOSPITAL/MAKMAL
220109	PERKAKAS/SISTEM ELEKTRIK
220110	MESIN DAN PERALATAN WOKSYOP
221903	BILL BOARD


**07 – PERTANIAN, PERHUTANAN, TERNAKAN
21 – PERKHIDMATAN PERLADANGAN,
PERIKANAN, HAIWAN DAN HIDUPAN LIAR**

2 Penetapan Formula Pembayaran Post Production (KPI)

Kerajaan membiayai maksimum 30% daripada jumlah kos/pelaburan projek. Daripada 30% ini:

- ✓ 70% dibayar semasa *pre-production* (pelaksanaan fizikal projek)
- ✓ 30% dibayar semasa *post-production* (pengeluaran utang - KPI)

- Setiap syarikat peneraju ditetapkan KPI *Post Production* iaitu jumlah kuantiti pengeluaran utang setiap tahun bagi 2 tahun berturut selepas tamat tempoh *pre-production* (Pembinaan Infra).
- Baki 30% pembiayaan Kerajaan diberi selama 2 tahun berturut (15% setiap tahun).
- Jika syarikat tidak mencapai jumlah kuantiti yang ditetapkan maka tiada pembayaran akan dibuat bagi tahun tersebut. Bagaimanapun, ia akan dapat menjejaskan pengeluaran utang secara keseluruhannya.
- Oleh kerana Kerajaan telah membiayai lingkungan 20% (pre production) daripada 30% jumlah keseluruhan kos projek maka *value for money* bagi perbelanjaan 20% iaitu di pihak Kerajaan akan turut terjejas.
- Ini akan mengurangkan faktor motivasi untuk menggalakkan syarikat mencapai kuantiti KPI yang ditetapkan yang turut menjejaskan pengeluaran utang tempatan.



Penetapan Formula Pembayaran Post Production (KPI)

Syor

Pihak PEMANDU dan DOF/MOA perlu mengkaji semula mekanisme yang sesuai untuk memastikan sasaran kuantiti pengeluaran udang dicapai secara berkesan bagi membantu kelancaran projek seterusnya dapat menjana ekonomi negara secara holistik.



**Sekian
Terima Kasih**


15

OBJEKTIF IZAQ	SASARAN 2020	PENCAPAIAN DISEMBER 2014		ANALISIS AUDIT PENCAPAIAN PADA 2020 DENGAN KONTRAK SEDIA ADA
		KUANTITI	PERATUS (%)	
1. UDANG (mt)	100,000 mt	2,946.78 mt	3.0	36,955 mt (37%)
2. LUAS TANAH (hektar)	10,000 hektar	3,712.58 hektar	37.1	3,712.58 (37.1%)
3. PELUANG PEKERJAAN (bilangan)	11,900 bilangan	874 bilangan	7.3	6,863 (57.7%)
4. GNI	RM1.383 Bilion	-	-	RM3.117 Bilion

16

BIL.	AUDIT
5.	Pemilihan Syarikat Peneraju Adalah Memuaskan kecuali syarikat Hannan.
6.	Kuasa Menandatangani Kontrak Tidak Diwakilkan Kepada KSU Untuk Kontrak bernilai Melebihi RM100 Juta
7.	Komponen Syarikat Telah Dibiayai Oleh Kerajaan Dengan Kelulusan Khas
8.	Hasil Analisis Kualiti Udang Dari Pensampelan DOF Adalah Memuaskan
9.	Hasil Analisis Udang Dari Pensampelan Audit Tidak Melebihi Paras Contaminants Yang Dibenarkan
10.	Kilang Memproses Makanan Ternakan (Feedmill) Tidak Termasuk Dalam Pelan Perniagaan/Business Proposal
11.	Perangkap Kelodak Bagi Menangani Isu Alam Sekitar Telah Dilaksanakan

TERHAD



17

BIL.	ISU
12.	Kawalan Kualiti Air Kurang Berkesan Menghasilkan Enapcemar (sludge)
13.	Zon Penampan (Buffer Zone) Memuaskan Secara Keseluruhan
14.	Pemantauan: Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Dan Kemajuan Program NKEA - Pertanian Akuakultur (JTPKP)
15.	Pemantauan: Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dan Pasukan Pemantauan, Penilaian Dan Pengesyoran (JK3P)
16.	Pemantauan: Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan (JK2P)
17.	Pemantauan: Pemeriksaan Di Tapak Projek Untuk Mengesahkan Tuntutan
18.	Pemantauan: Pemeriksaan Kualiti Udang Dan Ladang Akuakultur